# Isu-isu Terpilih Dalam Sejarah Politik dan Perjuangan

## Sumbangan kepada Profesor Mada Dr. Mohd Isa Othman

Ishaak Saat
Mohd Akbal Abdullah

# KANDUNGAN

Prakata ix

**BAB 1** **1**
Tinjauan ke Laluan Lama Kedah-Siam
Zaman Kesultanan Silam
*Mohd. Kasri Saidon, Universiti Sains Malaysia*

**BAB 2** **29**
Sejarah Sosioekonomi dan Pendidikan Masyarakat
Melayu Kedah Tahun 1900-1950.
*Mohamad Muzammil Mohamad Noor, Universiti Malaya*

**BAB 3** **73**
Pengaruh British di Kedah 1909-1940.
Kesan ke Atas Pentadbiran Daerah.
*Sivarajan Ponniah, Universiti Sains Malaysia*

**BAB 4** **107**
Gerakan Tentangan di Kelantan, 1915 : Kesan dari Pengenalan Peraturan Tanah Baru Kerajaan Kolonial.
*Nik Haslinda Nik Hussain, Universiti Sains Malaysia*

**BAB 5** **135**
Kebangkitan Orang Melayu Perak Menentang British Tahun 1945-1957.
*Ishak Saat, Universiti Sains Malaysia*

**BAB 6** 171
Pembentukan Kampung-Kampung Baru Di Johor:
Sumbangan British Kepada Orang Cina Semasa Darurat
Tahun 1948-60.
*Mohd. Akbal Abdullah, Universiti Tun Hussein Onn*

**BAB 7**
Strategi Pemimpin Tempatan Dalam Menewaskan PKM
Di Tanah Melayu, 1955-1960.
*Rahamat Abu Kassim, Universiti Sains Malaysia*

**BAB 8**
ANZUS dan Penubuhan Negara Malaysia
*Sah Hadiyatan Ismail, Universiti Sains Malaysia*

**BAB 9**
Gerakan Islam : Menyelusuri Perjuangan ABIM Kedah
Aspek Politik dan Perjuangan 1971-2004.
*Mohd Azhar Bahari, Universiti Sains Malaysia*

**BAB 10**
*"ANTARA DENDAM DENGAN PERJUANGAN* **(2007), SE-
BUAH NOVEL SEJARAH? "**
*Sakinah Abu Bakar, Universiti Sains Malaysia*

**BAB 11**
Hubungan China-Vietnam, 1802-1839 :
Dari Tributari ke Perdagangan
*Ku Boon Dar, Universiti Malaya*

**BAB 12** 367
Pembentukan Kerajaan Serb, Croat dan Sloven 1918.
*Azlizan Mat Enh, Universiti Kebangsaan Malaysia*

Biodata Penulis 395
Biodata Tokoh Sumbangsih 401
Profesor Madya Dr Hj Mohd. Isa Othman

# PRAKATA

Dalam dunia komtemporari ini, ilmu sejarah telah berkembang pesat, maka bila berbicara persoalan sejarah maka ruang lingkup sejarah semakin luas. Di dalamnya terkandung ilmu sejarah yang membicarakan aspek sosial, ekonomi, pendidikan, agama, seni, muzik dan peradaban manusia. Namun, dalam displin sejarah aspek politik dan perundangan merupakan bidang sejarah yang tertua di dunia. Lantaran itu, sejarah seringkali membicarakan persoalan politik, perundangan dan pemerintahan. Malah tokoh-tokoh politik seringkali menjadi bahan penulisan dalam displin sejarah. Tokoh-tokoh politik juga dikatakan orang yang mencorakkan perjalanan sesebuah masyarakat dan negara. Kepimpinan mereka selalunya menjadi perhatian, ikutan dan panduan dalam pembinaan sesebuah negara bangsa yang baru dilahirkan. Dengan kata lain, pembinaan sebuah negara bangsa seringkali berkait rapat dengan kegiatan dan perilaku manusia. Secara umumnya, perubahan bentuk yang dilalui oleh masyarakat berkait rapat dengan watak masyarakat itu sendiri kerana mereka adalah pelakonnya.

Lantaran itu, sejarah juga boleh didefinisikan sebagai catatan atau maklumat tentang masyarakat dan tamadun dunia yang menjelaskan tentang perubahan yang terjadi pada sifat-sifat manusia seperti kebiadaban, keramahan dan perasaan setiakawan serta juga tindakan segolongan manusia yang terlibat dalam perjuangan. Ia juga membicarakan perkembangan politik sesebuah negara bangsa, ia mengkaji dan mentafsirkan persoalan kenapa sejarah itu terjadi sedemikian rupa. Malah melalui sejarah juga menjelaskan hal-hal yang berkaitan dengan kejadian revolusi dan pemberontakan oleh segolongan manusia terhadap manusia lain. Hal yang demikian ini akan mengakibatkan terbinanya sebuah kerajaan dan negara.